

06/02/1997

Najib cadang jumpa pengetua, guru kaunseling

Mohd Fuad Razali

MENTERI Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu mengadakan perjumpaan dengan pengetua, guru besar dan guru kaunseling untuk membincangkan permasalahan sosial yang membabitkan masyarakat Islam di negara ini.

Menurutnya, perjumpaan itu sangat penting untuk membolehkannya memahami dan menghayati permasalahan yang wujud di peringkat sekolah sejajar dengan langkah Kementerian Pendidikan meletakkan masalah sosial sebagai agenda pentingnya.

Sehubungan itu, beliau akan mengadakan siri dialog dan perbincanan dengan guru kaunseling dan pengetua selepas Hari Raya Puasa nanti.

"Saya fikir dialog mesti kita teruskan. Lepas ini saya bercadang untuk berdialog dengan guru kaunseling dan pengetua supaya dapat memahami dan menghayati permasalahan di peringkat sekolah kerana kita meletakkan agenda sosial sebagai agenda penting Kementerian Pendidikan", katanya kepada Berita Harian.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di pejabatnya selepas menghadiri mesyuarat khas dengan menteri, Menteri Besar dan semua pegawai kanan agensi kerajaan mengenai masalah sosial di kalangan masyarakat Islam negara ini di Dewan Mukhtamar, Pusat Islam, di ibu negara, semalam.

Perjumpaan itu turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Najib, di samping memperkuat institusi keluarga, pendidikan formal juga menjadi satu unsur penting dalam menangani masalah sosial di kalangan masyarakat.

Katanya, kaedah pendidikan anak-anak di sekolah perlu dilihat supaya penekanan diberi terhadap aspek pembangunan insan seutuhnya, bukan ilmu semata-mata.

Sehubungan itu, beliau mahu supaya penekanan terhadap aspek pembangunan insan diberi penekanan dan dilakukan dengan secara berkesan di sekolah.

Mengulas mengenai perjumpaan pagi semalam, Najib berkata, ia sangat berguna, terutama pandangan Dr Mahathir yang menekankan sikap kerajaan yang sangat serius untuk membenters gejala sosial yang wujud di kalangan masyarakat Islam.

Menurutnya, dalam perjumpaan itu, Dr Mahathir juga menekankan bahawa masalah itu perlu dilihat sebagai tanggungjawab bersama semua pihak dan tidak wajar menuding jari menunjukkan kesalahan mana-mana pihak sahaja.

"Setiap orang daripada kita perlu menentukan peranan yang boleh di mainkan secara berkesan tidak kira sama ada kita sebagai keluarga, pendidik, pemimpin, pegawai dan sebagainya," katanya.

Dalam perjumpaan itu, Dr Mahathir juga banyak menyentuh mengenai kepentingan membina ketahanan rohani sebagai benteng menghadapi gelombang perkembangan global.

Menurut Najib, Malaysia tidak boleh menutup pintu terhadap perkembangan global seperti Internet, satelit, multimedia dan televisyen satelit.

"Walaupun alat ini baik, ada juga unsur negatif. Tetapi kita tidak boleh menutup pintu terhadap perkembangan dunia dan teknologi canggih hanya kerana ada unsur negatif. Seperti kata Perdana Menteri, kita tidak mempunyai alternatif lain melainkan membina ketahanan diri," katanya.

(END)